



**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA
MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI BANDARAYA PELANCONGAN**

RUJUKAN SEBUT HARGA : MPLBP/SBT/01/2023

1. Sebutharga adalah dipelawa kepada **PEMBEKAL-PEMBEKAL YANG BERDAFTAR DENGAN SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM) dan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA (KKM)** dalam Kod Bidang Bekalan/Perkhidmatan yang berkaitan yang masih sah laku untuk membuat tawaran Sebut Harga berikut :-

KOD BIDANG BEKALAN/ PERKHIDMATAN (KKM)	BUTIRAN SEBUTHARGA	TEMPOH PELAWAAN
221801 – SYARIKAT INSURANS ATAU 221802 – BROKER INSURANS (Taraf Bumiputera atau Bukan Bumiputera)	TAWARAN SEBUT HARGA MENYEDIAKAN PELAN PERLINDUNGAN INSURANS TAKAFUL BERTEMPOH DAN BERKELOMPOK GROUP TERM LIFE (GTL) & GROUP PERSONAL ACCIDENT (GPA) UNTUK MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI BANDARAYA PELANCONGAN BAGI TEMPOH DUA TAHUN. HARGA BORANG : RM 50.00	TARIKH PELAWA : 26 DIS. 2022 TARIKH TUTUP : 08 JAN. 2023 MASA : 12.00 TENGAHARI

1. Dokumen sebut harga boleh dibeli di **UNIT PEROLEHAN, MPLBP** mulai **26 DIS. 2022** hingga **08 JAN. 2023** pada ketetapan masa **08.00 Pagi – 04.30 Petang (Ahad – Rabu)** dan **08.00 Pagi – 03.00 Petang (Khamis Sahaja)**. Bawa bersama salinan sijil SSM semasa membeli dokumen dan sesalinan penyata bank.
2. Penyebutharga juga boleh mendapatkan borang dengan membuat bayaran melalui bayaran/pindahan wang atas talian dan **mengisi borang permohonan dokumen sebut harga** seperti di **Lampiran 1**. Borang permohonan dokumen sebut harga yang lengkap di isi beserta bukti pembayaran (slip/resit) hendaklah dikemukakan kepada **Urusetia Sebut Harga melalui aplikasi WhatApps di talian 011-58923362**. Dokumen sebut harga akan segera dihantar secara 'softcopy' dan penyebutharga boleh memuat turun dan mencetak sendiri dokumen sebut harga tersebut. Bayaran/pindahan wang atas talian melalui akaun berikut :-
- i. Penama Akaun : Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan
No. Akaun : 02066011060236
Bank : Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)
3. Tawaran yang telah dipenuhi dengan sempurna, hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dan bertulis No. Sebut Harga pada bahagian atas kiri sampul surat yang di alamatkan kepada **TUAN YANG DIPERTUA, MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI BANDARAYA PELANCONGAN, 07000 KUAH, LANGKAWI, KEDAH D.A.** serta di hantar dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang disediakan tidak lewat daripada jam **12.00 TENGAHARI** pada **08 JAN. 2023**.
4. Pihak Majlis tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran yang ditolak atas apa jua sebab serta tidak bertanggungjawab atas segala kos perbelanjaan berkaitan atas sebut harga ini. Borang terlebih dahulu boleh dilihat di laman sesawang **<http://www.mplbp.gov.my>**.

5. Dokumen tawaran yang lewat diserahkan selepas tarikh dan masa yang ditetapkan berbangkit dari apa jua sebab kegagalan penyebutharga mematuhi syarat tidak akan dilayan dan segala bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan.
6. Jika dokumen tawaran sebut harga dihantar dengan menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier, penyebutharga hendaklah memastikan dokumen tersebut sampai kepada dalam tempoh yang telah ditetapkan. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.
7. Penyebutharga hendaklah dalam apa jua keadaan sekalipun wajib mematuhi peraturan **ENDEMIK COVID-19** yang berkuatkuasa ketika ini.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“KEDAH SEJAHTERA - NIKMAT UNTUK SEMUA”

Saya yang menjalankan amanah,



Setiausaha
Majlis Perbandaran Langkawi
Bandaraya Pelancongan



MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI BANDARAYA PELANCONGAN
BORANG INI DIISI OLEH PERMOHONAN PEMBELIAN DOKUMEN SEBUTHARGA SECARA
PINDAHAN/BAYARAN ATAS TALIAN SAHAJA

Tajuk	Tawaran Sebut Harga Menyediakan Pelan Perlindungan Insurans Takaful Bertempoh Dan Berkelompok Group Term Life (GTL) & Group Personal Accident (GPA) Untuk Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan Bagi Tempoh Dua Tahun. MPLBP/SBT/01/2023
Nama Syarikat	
No. SSM Syarikat	
Alamat Syarikat (spt dlm SSM)	
No. Akaun Bank Syarikat	
Nama Akaun Bank Syarikat	
Nama Pemilik Syarikat (Seperti Dalam Sijil Pendaftaran Syarikat)	
No. Kad Pengenalan	
No. Telefon (HP)	
Emel	
No. Resit/Slip Pembayaran (Reference ID)	
Jumlah Bayaran	RM 50.00
Bayaran Melalui Bank	

PENTING :

1. Borang Ini Hanya Untuk Diisi Bagi Pembayaran Pembelian Borang Sebutharga Secara Atas Talian Sahaja.
2. Bersama Borang Ini **WAJIB** Diisi Dan Sertakan Salinan Bukti Pembayaran (Slip/Resit) Pembayaran Yang Telah Dibuat.
3. Borang Yang Lengkap Diisi Hendaklah Segera Dikemukakan Kepada Urusetia Melalui Aplikasi Whatapps Di Talian **011-58923362**.
4. Talian Ini Hanya Aktif Dalam Tempoh Masa Dan Hari Bekerja Dan Selama Tempoh Sehingga Sebut Harga Ini Ditutup. Talian Ini Tidak Lagi Aktif Setelah Tempoh Tersebut Berakhir.

Tandatangan & Cop Syarikat :
Nama :
Tarikh :